

**Penggunaan Tanda Baca Komadan Noktah dalam Karangan Murid Sekolah
Menengah di Daerah Tuaran, Sabah**

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepekaan murid-murid tingkatan empat di sekolah menengah luar bandar Daerah Tuaran, Sabah, menggunakan tanda baca noktah dan koma dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Sebanyak 70 hasil karangan murid daripada tiga buah sekolah dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa murid tidak menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul dalam penulisan karangan menyebabkan hasil karangan mereka sukar dibaca dan mempengaruhi keseluruhan impresi terhadap karangan yang ditulis. Sebanyak 66 hasil karangan didapati tidak menggunakan tanda baca noktah dan koma dengan betul. Data kesalahan yang direkodkan adalah sebanyak 299 yang melibatkan 196 data kesalahan tanda baca koma dan 103 data kesalahan untuk tanda baca noktah. Kajian yang dijalankan ini bermanfaat untuk memberikan kesedaran kepada pendidik dan murid agar peka akan kepentingan menggunakan tanda baca koma dan noktah dengan betul supaya murid dapat menghasilkan karangan yang lebih mudah dibaca, difahami dan berkesan untuk pemahaman pembaca dalam menyampaikan komunikasi bentuk bertulis.